

# Isu keganasan dijangka atasi agenda perdagangan

23 OCT 2002  
Daripada Kadir Dikoh

LOS CABOS, (Mexico), Selasa – Mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) berakhir di sini hari ini dengan mengemukakan agenda supaya pelaburan dan perdagangan dipertingkatkan ketika ekonomi dunia ditentukan oleh soal keselamatan.

Agenda perdagangan dijangka ditenggelami oleh isu pengganas dan keganasan apabila ia dibentangkan pada pertemuan peringkat pemimpin yang mewakili 21 negara anggota, hujung minggu ini.

Malaysia akan diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijangka tiba di sini petang esok. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Menteri Perdagangan Industri dan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz akan turut sama.

Sidang Apec yang secara tradisinya semata-mata tertumpu kepada forum ekonomi, sekali lagi menjadi medan membincangkan soal keganasan iaitu ulangan kepada pertemuan Apec lalu di Shanghai.

Di Shanghai pada Oktober tahun lalu, mesyuarat Apec buat kali pertama tidak memberi tumpuan sepenuhnya ke-



**KESATUAN EKONOMI  
ASIA-PASIFIK  
LOS CABOS, MEXICO**

pada langkah menuju pasaran terbuka, sebaliknya kepada isu pengganas dan keganasan. Kebetulan ketika itu, peristiwa serangan 11 September baru sebulan berlalu.

Kejadian terbaru di Bali yang dikaitkan dengan keganasan dan keghairahan Amerika Syarikat mahu menyerang Iraq, meskipun Presiden George W Bush kini sudah menurunkan nada kerasnya dengan cuma memberi peluang terakhir kepada Presiden Saddam Hussein, menjadikan isu keganasan dijangka menguasai forum di sini.

Sumber diplomatik yang ditemui di sini berkata, pelbagai perkara berkaitan perdagangan, pelaburan dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dibincangkan pada SOM, tetapi ada anggota Apec mahukan supaya isu keganasan diberi ke-

utamaan.

"Ini kerana soal perdagangan dan pelaburan boleh terhalang selagi isu keselamatan antara-bangsa tidak ditangani dengan sebaik mungkin. Bentuk cadangan untuk menangani masalah ini akan dibincang lanjut dalam pertemuan peringkat pemimpin hujung minggu ini," katanya.

Pegawai yang ditugaskan mengenai isu-isu Apec, Li Baodong dari China dalam satu kenyataan di sini berkata, keganasan adalah musuh bersama manusia dan ia memberi ancaman besar kepada perdagangan dan perniagaan.

"Tidak ada tempat selamat di dunia jika kita tidak menentang keganasan," katanya.

Ketua kerajaan Apec di Shanghai sepakat mengutuk serangan pengganas pada 11 September, dengan menganggap serangan itu sebagai ancaman kepada keamanan, kemakmuran dan keselamatan semua manusia, agama dan negara.

Penganalisis politik pula berpendapat, pada pertemuan di Los Cabos ini, pemimpin Apec perlu membincang lebih jauh iaitu menumpukan perhatian kepada punca keganasan seperti yang kerap disuarakan Malaysia.

"Ini kerana keadaan seka-

rang semakin teruk, lebih teruk ketika selepas saja kejadian 11 September. Tindak-tanduk negara kuasa besar yang kita tahu siapa mereka, bagaikan terus menekan terutama umat Islam," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejadian letupan bom di Bali boleh berlaku di mana saja di dunia ini selagi pembetulan tidak dilakukan iaitu mencari punca keganasan.

Bush yang dijangka turut hadir buat kali kedua pada sidang Apec, dijangka mendesak supaya usaha berterusan dilakukan untuk menangani isu keganasan dan bagi mendapat sokongan kemungkinan menyerang Iraq, pada pertemuan pemimpin Apec, Sabtu dan Ahad ini.

Selepas mesyuarat perwakilan peringkat pegawai selama dua hari berakhir hari ini, menteri daripada negara anggota akan bertemu esok dan Khamis. Kebanyakan pemimpin akan tiba Jumaat dan bermesyuarat pada Sabtu dan Ahad.

Mesyuarat SOM dipengerusikan oleh tuan rumah, Dr Gerardo Traslosheros yang juga Ketua Pengarah Hal Ehwal Perdagangan Pelbagai Hala, Kementerian Ekonomi Mexico.